

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN HARI PERINGATAN
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DI WISMA PANDU PUTERI, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 25 FEBRUARI 2000
PUKUL 10.00 PAGI**

Sebagai Yang Dipertua, saya berasa amat bertuah kerana dapat menyambut hari istimewa ini bersama anda semua.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Hari Peringatan merupakan hari istimewa apabila semua ahli kepanduan di seluruh dunia sama-sama mengingati bahawa mereka adalah sebahagian daripada sebuah pergerakan antarabangsa yang amat luas. Ia adalah hari mereka semua disatukan oleh apa yang mereka fikirkan dan lakukan. Para hadirin sekalian termasuk di dalam golongan ini.

3. Hari khas di dalam kalendar kepanduan ini mengambil sempena tarikh lahir Pengasas Pergerakan ini, Lord Robert Baden-Powell dan isterinya, Olave, Lady Baden-Powell, Ketua Pandu Puteri Dunia, iaitu pada 22 Februari. Oleh kerana itu, Hari Peringatan disambut pada tarikh itu atau hari-hari yang hampir dengan tarikh tersebut.

4. Dana Hari Peringatan merupakan satu lagi perkara penting pada hari Peringatan. Pada hari ini, setiap ahli digalakkan menderma dengan ikhlas dan sukarela. Derma yang dipungut akan digunakan untuk perkembangan, latihan dan projek kepanduan di seluruh dunia. Oleh itu, saya menyeru kepada para hadirin sekalian untuk menderma secara ikhlas ke tabung Hari Peringatan Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang akan dibawa mengelilingi dewan ini sebentar lagi.

5. Saya difahamkan juga bahawa pada setiap majlis sambutan Hari Peringatan di Ibu Pejabat, satu acara khas akan diadakan. Pada tahun ini, acara khas itu adalah Majlis Menandatangani Perjanjian Laman Web PPPM di antara Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Webworks E-Services, syarikat yang akan mengendalikan laman web PPPM. Walaupun laman web PPPM telah dilancarkan pada bulan Mei tahun lepas, perjanjian ini adalah komitmen syarikat itu untuk membantu PPPM mengemaskini laman web tersebut. Ini merupakan langkah permulaan bagi PPPM menaikkan imejnya di kalangan ahli dan bukan ahli di seluruh dunia selaras dengan keperluan menyediakan maklumat kepanduan melalui Internet. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada syarikat-syarikat dan individu-individu yang telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan bagi kerja-kerja mengemaskini ini.

6. Saya berharap Hari Peringatan akan memberi peluang untuk memupuk penghargaan dan meningkatkan sikap bantu-membantu di kalangan anda semua untuk terus menyumbangkan tenaga kepada Persatuan kita ini.

Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Peringatan Dunia 2000, Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
